



## KEJOHANAN PING PONG MALAYSIA KE-56 TAHUN 2019

### PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN

1. Nama Kejohanan : Kejohanan Ping Pong Malaysia Ke-56 Tahun 2019
2. Tarikh Kejohanan : **17-20 Disember, 2019**
3. Tempat Kejohanan : Dewan Sekolah Menengah Pay Fong,  
40, Jalan Tan Chay Yan, 75300 Melaka
4. Tujuan :
  - 4.1 Menggalakkan dan memperluaskan penyertaan dalam permainan ping pong antara pemain-pemain yang berbilang kaum.
  - 4.2 Meningkatkan mutu permainan ping pong supaya mencapai taraf antarabangsa.
5. Syarat Pertandingan :
  - 5.1 Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Peraturan Kejohanan ini.
  - 5.2 Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang ITTF yang terkini.
6. Acara :
  - 6.1 Berpasukan Lelaki (maksima 1 pasukan setiap persatuan)
  - 6.2 Berpasukan Wanita (maksima 1 pasukan setiap persatuan)
  - 6.3 Perseorangan Lelaki (maksima 5 orang peserta setiap persatuan)
  - 6.4 Perseorangan Wanita (maksima 5 orang peserta setiap persatuan)
  - 6.5 Bergu Lelaki (maksima 2 pasangan setiap persatuan)
  - 6.6 Bergu Wanita (maksima 2 pasangan setiap persatuan)
  - 6.7 Bergu Campuran (maksima 2 pasangan setiap persatuan)
  - 6.8 Untuk acara individu, persatuan pengelola dibenarkan menyertai maksima 2 (dua) kali ganda lebih daripada bilangan peserta yang dibenarkan bagi setiap persatuan.
  - 6.9 **Johan dan Naib Johan Berpasukan kejohanan tahun sebelum dibenarkan menghantar 2 pasukan.**
    - 6.9.1 Semua pemain Pasukan Kedua layak mengambil bahagian dalam acara Perseorangan dengan maksima 5 pemain.
    - 6.9.2 Semua pemain Pasukan Kedua layak mengambil bahagian dalam acara Bergu dengan maksima 2 pasangan. Kedua-dua pasangan ini mestilah dari pemain Pasukan Kedua.
    - 6.9.3 Semua pemain Pasukan kedua layak mengambil bahagian dalam acara Bergu Campuran jika kedua-dua Pasukan Lelaki dan Wanita menjadi Johan atau Naib Johan acara Berpasukan dalam Kejohanan Ping Pong Malaysia tahun sebelumnya. Pasangan ini mesti dari pemain Pasukan Kedua dan maksima 2 pasangan.
    - 6.9.4 Keputusan pasukan kedua dalam acara Berpasukan, Perseorangan, Bergu dan Bergu Campuran tidak akan diambil kira dalam pengiraan Juara Keseluruhan.

## 7. Pendaftaran Pemain :

- 7.1 Warganegara Malaysia atau permastautin tetap sahaja dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan ini.
- 7.2 Seseorang pemain hanya boleh mewakili satu pasukan sahaja.
- 7.3 Setiap pasukan boleh mendaftarkan TUJUH (7) orang pemain termasuk 2 orang pemain simpanan untuk dihantarkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum tarikh tutup. LIMA orang pemain sahaja akan dikenalpasti dalam Mesyuarat Pengurus untuk bertanding dalam Acara Berpasukan.
- 7.4 Pemain-pemain yang mengambil bahagian dalam acara individu hendaklah terdiri daripada 7 orang pemain yang didaftarkan.

## 8. Sistem Pertandingan :

- 8.1 Acara Berpasukan :
  - 8.1.1 Mengikut Sistem Baru Piala Swaythling.
  - 8.1.2 Jika terdapat 12 atau lebih pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 4 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
  - 8.1.3 Jika terdapat 9 hingga 11 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 3 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan yang terbaik daripada setiap kumpulan akan layak diundi untuk bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
  - 8.1.4 Jika terdapat 6 hingga 8 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan dibahagikan kepada 2 kumpulan di mana sistem liga akan digunakan. Dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak bertanding dalam pusingan kedua. Sistem kalah mati akan digunakan dalam pusingan kedua.
  - 8.1.5 Jika terdapat 4 hingga 5 pasukan yang bertanding, pasukan-pasukan tersebut akan bertanding dalam satu kumpulan di mana sistem liga akan digunakan.
  - 8.1.6 Jika terdapat kurang daripada 4 pasukan yang akan bertanding, acara tersebut akan dibatalkan.
  - 8.1.7 Setiap perlawanan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games)
- 8.2 Acara Individu :
  - 8.2.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
  - 8.2.2 Bagi Acara Bergu, semua pertandingan akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games).
  - 8.2.3 Bagi Acara Perseorangan, perlawanan dari pusingan pertama hingga pusingan suku akhir akan diputuskan dengan 3 permainan terbaik daripada 5 permainan (Best of 5 games). Pertandingan di peringkat Separuh Akhir dan Akhir akan diputuskan dengan 4 permainan terbaik daripada 7 permainan (Best of 7 games).
  - 8.2.4 Jika terdapat kurang daripada 8 peserta/pasangan yang akan bertanding, acara yang berkenaan akan dibatalkan.

## 9. Bola :

- 9.1 Bola Pingpong 40mm+ NITTAKU 3-Star berwarna **PUTIH** akan digunakan dalam kejohanan ini.

## 10. Hadiah :

10.1 Bagi Acara Berpasukan, hadiah akan diberikan kepada pemenang Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga (satu tempat).

10.2 Hadiah wang tunai untuk acara berpasukan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Johan	Naib Johan	Ketiga (satu tempat)
Hadiah wang tunai	RM 2500	RM 1500	RM 1000

10.3 Bagi Acara Individu, hadiah akan diberikan kepada pemenang Johan, Naib Johan dan 2 Tempat Ketiga.

10.4 Johan Keseluruhan Kejohanan (Overall Champion) akan ditentukan mengikut Sistem Permarkahan yang ditetapkan oleh Persatuan Ping Pong Malaysia seperti di bawah ini:

Kedudukan	Acara Berpasukan	Acara Individu
Johan	10 markah	5 markah
Naib Johan	7 markah	3 markah
Ke-3 bersama	4 markah	1 markah

10.5 Sekiranya berlaku persamaan markah antara pasukan, maka bilangan pingat emas, perak dan gangsa yang dimenangi akan diambil kira.

## 11. Penginapan :

11.1 Setiap pasukan akan bertanggungjawab atas perbelanjaan penginapan pasukan masing-masing. Pengelola hanya akan membantu setiap pasukan untuk membuat tempahan tempat penginapan jika perlu.

11.2 Pengelola akan bertanggungjawab menyediakan penginapan yang sesuai untuk pengadil- pengadil dari negeri-negeri lain.

11.3 Pengelola akan menyediakan penginapan di hotel untuk Pegawai TTAM, Delegat Teknikal, Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Refri & Pengadil TTAM.

## 12. Bayaran Penyertaan :

- 12.1 Acara Berpasukan : RM 50.00 setiap pasukan
- 12.2 Acara Perseorangan : RM 10.00 setiap peserta
- 12.3 Acara Bergu : RM 15.00 setiap pasangan

## 13. Cara Penyertaan:

13.1 Semua pasukan yang ingin menyertai kejohanan ini dikehendaki mengembalikan **Borang Penyertaan/Pendaftaran Pemain (Borang A, B, C, D, E, F)** yang dikepilkan ini melalui email sahaja pada atau sebelum tarikh tutup seperti yang dinyatakan dalam peraturan 14

<p><b>Setiausaha Kehormat</b> <b>Persatuan Ping Pong Melaka</b> Email: <a href="mailto:tanenghwee@gmail.com">tanenghwee@gmail.com</a> H/P: 019-6085252</p>
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

13.2. Satu salinan Borang Penyertaan/Pendaftaran Pemain hendaklah dihantar kepada:

<p><b>Pengerusi Jawatankuasa Teknikal</b> Tel: +603-8996 1497 Fax: +603-8999 1491 E-mail: <a href="mailto:ttammalaysia@gmail.com">ttammalaysia@gmail.com</a>, <a href="mailto:a_lee438@yahoo.com">a_lee438@yahoo.com</a></p>
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

#### 14. Tarikh Tutup Penyertaan:

- 14.1 Tarikh tutup **Penyertaan (Borang A)** adalah pada **1 Oktober 2019**.
- 14.2 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk **Acara Berpasukan (Borang B)** adalah pada **22 Oktober 2019**
- 14.3 Tarikh tutup Pendaftaran pemain untuk **Acara Individu (Borang C dan D) dan Borang Maklumat (Borang E dan F)** adalah pada **31 Oktober 2019**
- 14.4 Tarikh akhir **Pengesahan** pemain untuk Acara Individu adalah pada **15 November 2019**. Selepas tarikh ini, sebarang pertukaran untuk Acara Individu akan dikenakan bayaran denda seperti ternyata di peraturan 16.
- 14.5 **Borang-borang Penyertaan/Pendaftaran yang diterima lewat daripada tarikh-tarikh tersebut tidak akan dilayan.**

#### 15. Cabutan Undi :

- 15.1 Cabutan undi bagi Acara Berpasukan akan diadakan pada **02 November 2019 (Sabtu)** pada pukul **11.00 pagi di Persatuan Ping Pong Malaysia, Kuala Lumpur.**
- 15.2 Cabutan undi bagi Acara Individu akan diadakan selepas Mesyuarat Pengurus Pasukan. Masa dan tempat akan diberitahukemudian.

#### 16. Pertukaran Pemain :

- 16.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum kejohanan dimulakan untuk menguruskan hal-hal pertukaran pemain. Selepas mesyuarat tersebut, sebarang permintaan pertukaran pemain tidak akan dilayan.
- 16.2 Pertukaran pemain untuk semua acara adalah dibenarkan dan penggantinya hendaklah daripada SENARAI pemain-pemain yang telah didaftarkan sahaja.
- 16.3 Pertukaran pemain untuk Acara Perseorangan adalah dibenarkan dengan bayaran denda seperti berikut:
  - 16.3.1 Pertukaran pemain yang pertama dalam Acara Perseorangan akan dikenakan bayaran denda RM50.00 dan pertukaran pemain yang kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran denda RM100.00 setiap pemain.
- 16.4 Pertukaran pemain atau pasangan untuk Acara Bergu adalah dibenarkan dan dikenakan bayaran seperti berikut:
  - 16.4.1 Pertukaran pemain atau pasangan yang pertama dalam Acara Bergu akan dikenakan bayaran denda RM100.00 dan pertukaran yang kedua dan seterusnya akan dikenakan bayaran denda RM150.00 setiap pertukaran. Pemindahan pemain antara 2 pasangan asal adalah dianggap sebagai satu pertukaran sahaja.
- 16.5 Penambahan pemain dalam semua acara selepas Tarikh tutup pendaftaran pemain **(15 November 2019)** TIDAK DIBENARKAN.

#### 17 Juri Rayuan :

- 17.1 Ahli-ahli Juri Rayuan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan ini.
- 17.2 Juri Rayuan akan terdiri daripada ahli-ahli berikut:
  - a) Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya
  - b) Setiausaha : Setiausaha Kehormat Negeri Pengelola atau wakilnya
  - c) Ahli-Ahli : Referi Kejohanan  
: Wakil dari 4 buah negeri yang tidak terlibat

**18 Menarik Diri :**

- 18.1 Pasukan / pemain yang terlewat 15 minit daripada masa yang telah dijadualkan akan dianggap sebagai memberikemenangan tanpa bertanding kepada pasukan / pemain lawannya.
- 18.2 Menarik diri (walkover) tidak dibenarkan. Jika berlaku, mereka yang terlibat akan dianggap sebagai menarik diri daripada keseluruhan acara tersebut.
- 18.3 Keputusan-keputusan pertandingan yang terdahulu tidak akan diambil kira bagi pasukan / pemain yang menarik diri.

**19. Bantahan / Rayuan:**

- 19.1 Segala bantahan atau rayuan hendaklah dibuat selewat-lewatnya dalam masa 30 minit selepas tamatnya perlawanan yang berkenaan melalui Pengurus Pasukan/Ketua Pasukan (Acara Berpasukan) atau pemain yang berkenaan (Acara Individu) secara bertulis dan disertakan dengan bayaran wang tunai RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) sebagai wang cagaran.
- 19.2 Jika bantahan atau rayuan telah gagal, wang cagaran tersebut tidak akan dikembalikan.

**20. Pakaian:**

- 20.1 Pemain-pemain tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna putih.
- 20.2 Warna pakaian dua pasukan/dua peserta/dua pasangan bergu yang bertanding, mestilah berlainan. Pasukan/pemain dinasihatkan sentiasa bersedia dengan dua helai baju permainan yang berlainan warna (cool and warm colour) untuk bertanding. **Dokumen TTAM “TT Playing Clothing Colours Directive (TTAM)\_01112008” adalah berkaitan.**
- 20.3 Pemain-pemain dalam satu pasukan/pasangan mesti berpakaian seragam.
- 20.4 Semua pemain (kecuali pemain perempuan beragama Islam) diwajibkan memakai baju permainan berlengan pendek dan seluar pendek.

**21. Pengadil:**

- 21.1 Pencalonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Pencalonan Rasmi yang disediakan oleh TURC Persatuan Ping Pong Malaysia.
- 21.2 Berpandu kepada ‘TTAM Directive On Selection Of Umpires: Policy & Procedural Guidelines For All TTAM Endorsed Competition/Tournaments’, setiap pasukan yang mengambil bahagian adalah diwajibkan menghantar seorang pengadil yang bertaraf **NU** atau **IU** sahaja untuk berkhidmat dalam kejohanan ini.
- 21.3 Pengadil yang dicalonkan hendaklah seseorang yang aktif dan telah berdaftar dengan TURC Hanya pengadil-pengadil yang dinamakan oleh Persatuan Negeri dan dilantik oleh TURC sahaja yang akan diterima oleh pengelola untuk berkhidmat di kejohanan ini,
- 21.4 Pasukan yang gagal menghantar seorang pengadil yang bertauliah akan dikenakan denda bayaran kepada Jawatankuasa Pengelola seperti berikut:
  - Semenanjung Malaysia : RM500.00
  - Malaysia Timur : RM200.00
- 21.5 Persatuan Negeri boleh memohon untuk menghantar lebih daripada seorang pengadil untuk berkhidmat dalam kejohanan ini tertakluk kepada persetujuan pengelola.
- 21.6 Jawatankuasa Pengelola akan membayar elaun kepada Delagasi Teknikal, Refri dan Pengadil mengikut kadar seperti berikut: (pindaan 2012)
  - 21.6.1 Delegasi Teknikal : RM 120.00 sehari
  - 21.6.2 Refri (IR/NR) : RM 100.00 sehari
  - 21.6.3 Timbalan Refri (IR/NR/IU) : RM 90.00 sehari
  - 21.6.4 Timbalan Refri (NU) : RM 80.00 sehari
  - 21.6.5 Pengadil Bertaraf Negeri (SU) : RM 60.00 sehari
  - 21.6.6 Pengadil Bertaraf Kebangsaan (NU) : RM 70.00 sehari
  - 21.6.7 Pengadil Bertaraf ITTF (IU) : RM 80.00 sehari

21.7 Tarikh Mesyuarat/Taklimat Pengadil Kejohanan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan. Semua pengadil adalah diwajibkan hadir, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka yang tidak hadir.

## **22. Referi & Timbalan Referi**

Berikut adalah syarat-syarat yang dinyatakan di dalam “Directive On Selection Of Referees (including Deputy Referees)” dan keputusan Mesyuarat Exco TTAM pada 25 Januari 2014.

- 22.1 Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; Masih aktif; berdaftar dengan TURC.
- 22.2 Timbalan Referi: IR atau NR yang dilantik oleh TURC; Masih aktif; berdaftar dengan TURC.
- 22.3 Sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh pertandingan, negeri penganjur hendaklah meminta TURC melantik pengadil dan timbalan-timbalan pengadil. Negeri penganjur boleh, jika ia mahu, mencadangkan pencalonan kepada TURC.
- 22.4 Di mana referi/timbalan referi yang dilantik bukan dari negeri di mana pertandingan itu sedang dijalankan, pihak penganjur hendaklah:
  - 22.4.1. Menyediakan hospitaliti untuk pegawai itu
  - 22.4.2. Menempatkan referi di satu bilik (single room)
  - 22.4.3. Menempatkan timbalan referi di bilik berkembar perkongsian (2 x katil single)
  - 22.4.4. Membayar balik kepada pegawai kos perjalanan mereka
- 22.5 Hospitaliti untuk referi: dari makan malam dua hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 22.6 Hospitaliti untuk timbalan referi: dari makan malam satu hari sebelum bermulanya pertandingan sehingga sarapan pagi satu hari selepas hari terakhir pertandingan.
- 22.7 Sarapan pagi: jika tidak terdapat dalam jarak berjalan kaki dari penginapan, pihak penganjur mesti sediakan.

## **23. Ujian Kawalan Raket ( Racket Control ) :**

Ujian Kawalan Raket akan dilaksanakan mengikut peraturan dan prosidur seperti yang ditetapkan oleh ITTF dan TTAM.

## **24. Perkara Am :**

Jika terdapat sebarang masalah atau kerumitan yang tidak diperuntukkan dalam peraturan Pertandingan Kejohanan ini, Jawatankuasa Teknikal Persatuan Ping Pong Malaysia akan memutuskannya dan keputusannya adalah muktamad.

Disediakan oleh :

**JAWATANKUASA TEKNIKAL  
PERSATUAN PING PONG MALAYSIA**